

SPNB ambil alih PPR

KUALA LUMPUR 14 Mei - Dua projek perumahan rakyat (PPR) di ibu kota yang terbengkalai melibatkan sebanyak 3,695 unit akan diambil alih oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, kedua-dua projek berkenaan gagal disiapkan disebabkan maju menghadapi masalah wang.

Beliau berkata, projek terbengkalai itu akan diambil alih oleh SPNB dan kontraktor baru akan dicari bagi menyiapkan mereka seberapa segera.

"Dua projek itu ialah di PPR Batu Muda dan Kerinci Lem-

bah Pantai," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke PPR di Kampung Malaysia Raya dan Raya Permai di sini baru-baru ini.

Mohd. Isa memberitahu, bagi PPR Batu Muda ia melibatkan 21 buah kampung setinggan dan 2,383 unit buah rumah manakala PPR Lembah Pantai pula melibatkan empat kampung setinggan dan 1,312 unit rumah.

"Projek yang terbengkalai itu akan diambil alih oleh SPNB dan akan disiapkan juga bagi menampung keperluan penduduk di sekitar kawasan berkenaan," jelasnya.

Mohd. Isa juga berkata, sewa bulanan sebanyak RM124 yang dikenakan merupakan antara yang paling murah di dunia.

"Selama mana kadar sewa itu bergantung kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya fikir ada baiknya bagi memberi mereka tempat sementara mencari lokasi rumah milik sendiri yang lebih besar dan luas," ujarnya.

Beliau juga menasihati sembilan keluarga di kawasan setinggan PPR Malaysia Raya supaya meninggalkan kawasan itu seberapa segera.

Langkah berkenaan, katanya, perlu bagi mempercepatkan proses pembinaan rumah

PPR dan tapak kolam oksida seperti yang dirancang.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menasihati bekas penduduk setinggan di PPR Raya Permai supaya bekerjasama dan belajar menerima hakikat yang mereka bukan lagi tinggal di kawasan setinggan.

MOHD. Isa bermesra dengan salah seorang penduduk ketika melawat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Malaysia Raya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

